



جَبَاتُنْ كِهَاكِيمَتُرِ عَدْيَةِ قِيمَعْ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG  
Jalan Masjid  
25000 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-517 7966  
Faks : 09-513 4805  
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>  
E-mail : [jksp@esyariah.gov.my](mailto:jksp@esyariah.gov.my)



Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (15)  
Takwim : 13 Muharram 1442H  
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

### PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 7 TAHUN 2020

#### Larangan Penggunaan Media Sosial Bagi Kes-Kes Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai arahan berkaitan larangan penggunaan media sosial bagi kes-kes di Mahkamah Syariah sebagaimana berikut:

1. Memuatnaik apa-apa dokumen Mahkamah sama ada bagi kes yang masih dalam prosiding atau telah selesai untuk tatapan umum.
2. Mengulas dan membincangkan apa-apa isu berkaitan kes yang masih dalam prosiding.
3. Meluah perasaan / memaki / menggunakan kata-kata kesat terhadap Hakim Bicara / Pegawai Mahkamah / Peguam Syarie pihak-pihak dan Pihak-pihak.

Larangan ini terpakai kepada semua pihak termasuk pihak Mahkamah, Peguam Syarie, pihak-pihak dan orang awam.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.

*Muaruu,*

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN  
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001: 2008 CERT. NO. AR5404